

**Najib, Muhyiddin Hadir Majlis Resepsi Anak Lelaki Presiden MIC
Bernama
1 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) - Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin menghadiri resepsi perkahwinan anak lelaki Presiden MIC Datuk Seri G. Palanivel di Berjaya Times Square di sini Jumaat malam.

Ketibaan Najib dan Muhyiddin bersama isteri masing-masing, Datin Seri Rosmah Mansor dan Puan Sri Norainee Abdul Rahman, disambut Palanivel dan anggota keluarganya.

Kedua-dua pemimpin negara itu meluangkan masa lebih sejam beramah mesra dengan pasangan mempelai Shanmugavel dan Juliet Jacob serta tetamu yang hadir.

Shanmugavel dan Juliet, masing-masing berusia 33 dan 31 tahun.

Lebih 2,000 jemputan menghadiri majlis itu, yang turut dihadiri bekas presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu dan menteri kabinet.

Shanmugavel merupakan anak kedua daripada empat beradik, bekerja sebagai arkitek manakala Juliet adalah seorang juruhebah radio. Pasangan itu melangsungkan perkahwinan di Pulau Pinang pada 23 Jan lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=925528>